

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT , PENGGAL KE(NOT SET)
PARLIMEN KE(NOT SET)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 Julai 2013

SOALAN

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengenai isu kanak-kanak yang dimanipulasi oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab dan dijadikan peminta sedekah. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi permasalahan tersebut.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kes-kes yang melibatkan eksploitasi kanak-kanak dalam aktiviti mengutip dana atau meminta sedekah dengan berselindung di sebalik nama institusi atau rumah anak yatim. Justeru, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalankan operasi bersepadu menyelamatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi mengutip dana atau meminta sedekah di tempat awam dari semasa ke semasa di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Dalam hal ini, JKM bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi membanteras masalah ini. Bagi tahun 2008 hingga 2012, seramai 158 orang kanak-kanak telah berjaya diselamatkan kerana mengutip dana atau meminta sedekah di seluruh negara di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi mengutip dana akan diselamatkan berdasarkan kepada perenggan 17(1)(k), Akta Kanak-Kanak 2001 dan ditempatkan di Tempat Selamat. Manakala mereka yang didapati mengeksploitasi kanak-kanak tersebut akan ditahan dan disiasat oleh pihak PDRM sebelum didakwa di bawah seksyen 32 akta yang sama. Mereka yang disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara maksimum 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka perlu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka. Di samping itu, KPWKM melalui JKM turut bekerjasama dengan Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) Berhad dalam usaha mencegah aktiviti eksploitasi terhadap kanak-kanak yang mengutip dana atau derma di hentian rehat dan rawat (R&R) di bawah syarikat tersebut. Dalam hal ini, pihak PLUS telah bersetuju untuk membantu JKM menyelamatkan kanak-kanak tersebut dengan mengasingkan kanak-kanak berkenaan sementara menunggu ketibaan Pelindung iaitu Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diwartakan. Pada masa yang sama, pihak JAKIM turut meminta pihak berkuasa agama negeri untuk mengambil tindakan bagi membanteras aktiviti memungut dana atau derma yang mengeksploitasi kanak-kanak pelajar tahfiz dan anak-anak yatim seperti berikut: (a) mengeluarkan larangan kanak-kanak sekolah agama dan anak yatim mengutip derma dan membuat jualan amal; (b) memberi bantuan kewangan kepada pihak-pihak yang memerlukan; (c) penguatkuasaan secara bersepadu dipergiatkan lagi oleh pihak berkuasa agama negeri bersama agensi kerajaan bagi menahan pihak-pihak yang mengeksploitasi kanak-kanak; (d) mendaftarkan sekolah-sekolah agama, tahfiz dan anak yatim; (e) pemantauan dan pengawalan sekolah agama, tahfiz dan rumah anak-anak yatim; (f) penyelarasan dalam mekanisme memungut derma; dan (g) publisiti dan kempen kesedaran agar masyarakat tidak mudah memberikan sumbangan kepada pihak-pihak yang tidak dikenali. Pihak JAKIM telah menyediakan Pelan Tindakan Penguatkuasaan Menangani Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak pada 10 Jun 2013 dalam usaha membendung dan menangani isu pengeksploitan kanak-kanak.

